

21/3/19 - 8H

Perah masa elak termasuk dalam golongan rugi

Kuala Lumpur: Pengurusan masa sering dipandang enteng oleh majoriti masyarakat tetapi Islam menekankan kepentingannya hingga Allah SWT sendiri bersumpah 'demi masa' melalui surah al-Asr. Allah SWT berfirman: "Demi masa! Sesungguhnya manusia dalam kerugian. Kecuali orang beriman dan beramal soleh dan mereka pula berpesan-pesan dengan kebenaran serta berpesan-pesan dengan sabar." (Al-Asr: 1-3)

Pegawai Hal Ehwal Islam, Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, Muhammad Fahmi Rusli, berkata masa ialah makhluk ciptaan Allah

SWT yang sangat hebat. Tiada manusia dan jin yang mampu mencipta masa. Manusia hanya mampu cipta jam tetapi tidak masa," katanya pada program Bicara Mufti Siri 1/2019 di Masjid Negara di sini.

Beliau berkata, kalimah al-Asr mempunyai banyak maksud, iaitu suci dan solat Asar yang memiliki keistimewaan hingga disebut dalam al-Quran.

Firman Allah SWT: "Peliharalah kamu segala solat fardu, khususnya sembahyang Wusta (Asar) dan berdirilah (dalam solat itu) dengan khu-syuk." (Al-Baqarah: 238)



Muhammad Fahmi Rusli

Jaga solat terutama Asar
"Melalui ayat ini, Allah SWT menyuruh hamba-Nya untuk menjaga semua solat, terutama solat Asar.

"Nabi SAW bersabda: Sesiapa meninggalkan solat Asar, maka sia-sialah amalnya." (HR Bukhari).

"Ini menunjukkan betapa tinggi dan besarnya kedudukan solat Asar," katanya.

Muhammad Fahmi berkata, ia juga bermaksud perahan hingga untuk mendapatkan manfaat daripada masa, setiap individu perlu memerahkannya seperti usaha mendapatkan jus buah.

"Perahan itu hanya berlaku se-

kiranya kita melakukan aktiviti bermanfaat," katanya.

Melalui surah al-Asr, beliau berkata, Allah SWT menekankan masa hingga turut dinyatakan manusia yang berada dalam kelalaian disifatkan golongan rugi.

Muhammad Fahmi berkata, dalam dimensi masa, manusia sentiasa berada dalam keadaan rugi tetapi seseorang dapat 'meloloskan' diri daripada sentiasa berada dalam situasi berkenaan.

"Seseorang itu mesti beriman kepada Allah SWT secara hati dan lisan serta beramal dengan tubuh badan," katanya.